

Tarikh Iklan : 15 SEPTEMBER 2021 (RABU)



JABATAN LANDSKAP NEGARA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN
TEMPATAN



NOTIS SEBUT HARGA

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

PEJABAT YANG MEMANGGIL TENDER	TAJUK PROJEK	TARAF/ JENIS SYARIKAT*	GRED, KATEGORI & PENGKhususan/ KELAS	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN DAN BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH DAN MASA TENDER DITUTUP
Jabatan Landskap Negara, Tingkat 10, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya	No. Sebut Harga : JLN/SH/02/2021 KERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH (SOIL INVESTIGATION) DAN UJIAN MAKMAL BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN TAMAN PENGENALAN ARBORETUM DI TAMAN PERSEKUTUAN BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR	TERBUKA *T1 (KHAS BUMIPUTERA) Dipelawa kepada syarikat tempatan yang 100% milik warganegara tempatan	I. Berdaftar dengan CIDB - Gred G1 Kategori Kejuruteraan Awam Pengkhususan CE12 – Kerja-Kerja Penyiasatan Tanah dan II. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan SPKK). dan III. Sijil Taraf Bumiputra (STB).	Secara atas talian (online). Link akan diberikan selepas pendaftaran Tarikh Dokumen Dijual: 17 SEPTEMBER 2021 (JUMAAT) Hingga 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)	Percuma	Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya Tarikh Tutup Tender: 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS) Waktu 12.00 tengahari

LAWATAN TAPAK ADALAH TIDAK DIWAJIBKAN

Kontraktor digalakkan untuk hadir lawatan tapak atas tanggungjawab sendiri bagi membantu kontraktor mendapat maklumat yang lebih tepat dan mengetahui keadaan/maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran sebut harga. Kontraktor diminta untuk mengamalkan penjarakan sosial, penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask* semasa lawatan tapak diadakan. Walau bagaimanapun satu taklimat tapak secara atas talian (pautan akan diberikan kepada petender yang melepasi proses saringan wajib) akan dilaksanakan dan wajib dihadiri oleh semua petender. Hanya petender yang menyertai taklimat tapak secara atas talian akan dibenarkan untuk membeli dokumen sebut harga secara atas talian.

Tarikh dan Tempat Melapor Diri Bagi Taklimat Tapak:

17 SEPTEMBER 2021 (JUMAAT) jam 10.30 pagi secara atas talian (Google meet). Pautan akan diberikan kepada Petender yang Berjaya melepasi Proses Saringan Wajib

TAKLIMAT SEBUT HARGA

Bagi tujuan taklimat dan pembelian sebut harga kontraktor dikehendaki mengisi boring saringan wajib pada pautan yang disediakan seperti berikut https://bit.ly/SHargaTenderJLN_2021 bermula pada 15 SEPTEMBER 2021 (RABU) hingga 17 SEPTEMBER 2021 (JUMAAT) jam 10.30 pagi. Selepas mengisi boring saringan wajib, kontraktor akan diberikan pautan Google meet untuk taklimat tapak. Hanya petender yang layak akan menerima pautan beserta katalaluan atau pautan muat turun melalui e-mel untuk memuat turun Dokumen Sebutharga daripada pautan yang akan diberikan. Setiap kontraktor akan diberikan nombor siri yang berbeza bagi dokumen tender yang akan dibeli. Hanya kontraktor yang mempunyai nombor siri dibenarkan untuk memasuki tawaran tender.

PERINGATAN : Semasa mengisi Borang Saringan Wajib, sila kemukakan bersama SALINAN SIJIL ASAL Pendaftaran PKK, CIDB, SPKK dan Sijil Taraf Bumiputera. Tarikh sahlaku sijil-sijil tersebut hendaklah masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup tender. Dokumen tender tidak akan diberi kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil-sijil tersebut.

Petender **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai Tender ini sekiranya Petender didapati tidak mempunyai kesemua pendaftaran kod bidang yang telah ditetapkan. Mana – mana Petender yang mengemukakan surat “Kebenaran Khas Menyertai Tender Di Luar Bidang Pengkhususan” atau surat “Kebenaran Khas Menyertai Tender bagi Gred yang lebih tinggi / rendah” yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB adalah **TIDAK DITERIMA**.


1. Dokumen Tender boleh dikemukakan secara serahan tangan/kurier dengan mematuhi Prosedur Operasi Piawai (SOP) yang disediakan di dalam Arahan Kepada Petender. Dokumen tender yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Tender di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya** pada atau sebelum jam **12.00 tengahari, 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**. Jabatan Landskap Negara tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen tender yang dikemukakan melalui pos atau perkhidmatan kurier. Jabatan Landskap Negara juga tidak terikat untuk menerima tawaran rendah atau mana-mana tawaran.
2. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Jabatan Landskap Negara di alamat www.jln.gov.my dan web rasmi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di alamat www.kpkt.gov.my dan web myprocurement di alamat www.myprocurement.treasury.gov.my.

3. *Jenis Pendaftaran:

T1– Syarikat 100% milik warganegara.

A1 – Syarikat 100% milik warga negara ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia iaitu syarikat-syarikat yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia dan warga Negara dengan syarat pegangan sah individu yang tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.

A2 – Syarikat 100% milik warganegara ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia ATAU syarikat usahasama yang diperbadankan di Malaysia (tidak kira sama ada disenaraikan di Bursa Malaysia atau tidak) dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.



(ROTINA BINTI MOHD DAIK)

Ketua Pengarah

Jabatan Landskap Negara

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Tarikh: